

## **Elemen Pengurusan Kelas Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Di Politeknik**

**Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>1\*</sup>, Kamarul Azmi Jasmi<sup>2</sup>, Khairunnisa A Shukor<sup>2</sup>, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>1</sup>, Muhd Imran Abd Razak<sup>1</sup>, Nurul Khairiah Khalid<sup>1</sup>, Mohd Farhan Abd Rahman<sup>1</sup>, Mukhamad Khafiz Abd Basir<sup>1</sup>.**

<sup>1</sup>*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Perak Branch Seri Iskandar, Campus, 32610, Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia*

<sup>2</sup>*Academy of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 81300, Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Authors' Email Address: \*<sup>1</sup>firdausnoor@uitm.edu.my,  
<sup>2</sup>qamar@utm.my,<sup>2</sup>pn.khairunnisa.a.shukor@gmail.com,  
<sup>1</sup>mohdz560@uitm.edu.my,<sup>1</sup>imranrazak@uitm.edu.my,<sup>1</sup>nkhairiah@uitm.edu.my,  
<sup>1</sup>farhan84@uitm.edu.my,<sup>1</sup>khafiz@uitm.edu.my*

Received Date: 8 May 2020

Accepted Date: 2 June 2020

Published Date: 31 July 2020

### **ABSTRAK**

*Artikel ini membincangkan elemen pengurusan kelas yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) sebagai seorang pendidik di politeknik. Pendekatan kajian ini menggunakan sepenuhnya kajian kualitatif menerusi kaedah kajian kes. Seramai enam orang Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam dipilih sebagai peserta kajian temu bual ini dan disokong oleh tiga orang Ketua Unit Pendidikan Islam, 12 orang rakan pensyarah, dan 12 orang pelajar. Seterusnya data temu bual ini ditriangulasikan dengan dapatan data yang dikumpul dari pemerhatian dan analisis dokumen. Analisis kajian ini menggunakan perisian NVivo 7.0 bagi menghasilkan tema dan ciri pengurusan kelas Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di politeknik sehinggalah membentuk pola. Hasil kajian menunjukkan terdapat 13 elemen pengurusan kelas yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di politeknik. Semua elemen ini dimiliki oleh sebahagian besar PCPI dan mencapai tahap pola, iaitu mengingati dan memanggil nama pelajar, mengaitkan pelajar dengan PdP, memahami keadaan pelajar, tegas pada tempat, memberi teguran secara berhikmah, mendekati diri dengan pelajar, meninggikan suara, pensyarah datang awal, mencari penyelesaian, menggunakan unsur jenaka, penekanan adab belajar, tidak menekankan hukuman dan tidak mengabaikan pelajar bukan Islam.*

**Kata kunci:** *Pengurusan Kelas, Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam, Politeknik.*

## ABSTRACT

*This article discusses the elements of class management implemented by Islamic Education Excellent Lecturers as educators in polytechnics. This study was fully conducted through qualitative method via case study. Six IELs were selected as participants and willing to be interviewed, and the data from the interview were supported by three Heads of Islamic Education Unit, 12 lecturers and 12 students. The data were triangulated with the data obtained through observation and document analysis. The data were analysed through N'Vivo software to generate a pattern of themes and characteristics of the elements of class management implemented by Islamic Education Excellent Lecturers in polytechnics. The result found 13 elements of class management implemented by Islamic Education Excellent Lecturers in polytechnics. Almost all elements were applied by the lecturers and formed pattern, which include; remembering and calling students' name, relate the students with the teaching and learning, understanding students' condition, be strict when it is needed, advising through wisdom, getting close with the students, using louder voice, coming early, seeking solution, making jokes, emphasizing on study manners, do not put too much emphasis on punishment and do not neglect the non-Muslim students.*

**Keywords:** *Class Management, Excellent Lecturers of Islamic Education, Polytechnic.*

## PENGENALAN

Sesuatu kaedah pengajaran yang berkesan amat berkait rapat dengan pengurusan kelas (Abdull Sukor, 2000; Jabatan Pengajian Politeknik, 2012; Esah, 2012). Menurut Esah (2012), pengurusan didefinisikan dalam aspek pengajaran adalah aktiviti merancang, menyusun, memimpin, dan menyelaras untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan. Manakala kelas atau bilik darjah adalah tempat pengajaran itu dilaksanakan. Apabila kedua istilah ini digabungkan, pengertian yang lebih luas dapat difahami. Hal ini bermaksud bahawa pengurusan kelas melibatkan pengurusan disiplin pelajar, penglibatan dan kerjasama pelajar dalam aktiviti di bilik darjah, serta mewujudkan persekitaran yang produktif, teratur, dan selamat. Selain itu, pengurusan kelas adalah menghasilkan pembelajaran yang optimum dalam kalangan pelajar yang menuntut kepada keperluan pelbagai kemahiran dan strategi mengurus kelas. Menurut Esah lagi, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian sebelum pengajaran bermula, iaitu melihat daripada segi bilangan pelajar, latar belakang, keperluan BBM, dan cara penggunaannya. Nisbah bilangan murid di bilik darjah juga mestilah sesuai dengan nisbah Guru Cemerlang supaya PdP boleh dilaksanakan dengan cemerlang, bermakna, selesa, dan efektif (Rozita Radhiah & Abdul Rasid, 2012).

Menurut Abdull Sukor (2000), terdapat sepuluh prinsip pengurusan bilik darjah yang berkesan. Prinsip tersebut bergantung kepada guru, suasana bilik darjah serta pengurusan yang berkaitan dengan pengajaran. Prinsip tersebut adalah: (1) Guru membina hubungan baik bersama pelajar, (2) Kesungguhan dan sikap optimistik, (3) Positif kepada semua pelajar, (4) Sikap mencegah sesuatu berbanding mengawal, (5) Pengurusan disiplin yang tegas, (6) Bersikap adil dan tekal, (7) Membiasakan pelajar dengan peraturan dan rutin pada awal tahun, (8) Mendapat kerjasama daripada pelajar dalam membina rutin dan peraturan kelas, (9) Memberi dorongan yang positif, (10) Mengurangkan gangguan dalam PdP.

Selain itu, pengurusan bilik darjah juga melibatkan aspek persekitaran dalam kelas. Persekitaran yang sihat akan menggalakkan dan menyokong untuk melahirkan penghayatan nilai murni dan kesan positif terhadap proses PdP (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Justeru itu, susunan fizikal bilik kelas yang teratur boleh memberi kesan terhadap tingkah laku guru dan pelajar. Selain itu, susun atur kelas yang baik

akan meningkatkan pencapaian akademik. Pernyataan tersebut disahkan lagi dengan kemudahan pembelajaran seperti bilik kuliah dan amali yang mencukupi khususnya untuk Pendidikan Islam boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar (Alias *et al.*, 2011). Kesimpulannya, pengurusan kelas yang berkesan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif, menyeronokkan, kondusif, dan menarik (Abdull Sukor, 2000). Hal ini turut disokong berdasarkan dapatan kajian Kamarul Azmi (2010). Beliau mendapati, aspek keceriaan dan kebersihan kelas amat ditekankan, di mana penyusunan kerusi meja, pencahayaan dan pengudaraan di dalam kelas diberi perhatian demi memastikan kelas dalam keadaan yang kondusif.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menilai dan menentukan elemen pengurusan kelas yang dimiliki dalam kalangan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di dalam kelas. Oleh itu persoalan kajian ini ialah Apakah elemen pengurusan kelas yang dimiliki PCPI di dalam kelas?.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian ini, pengkaji memilih kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji telah memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian dengan pendekatan kaedah kualitatif sepenuhnya. Terdapat ramai pengkaji yang menggunakan kajian kes dalam reka bentuk kajian mereka sebelum ini (Kamarul Azmi, 2010; Abdul Razaq *et al.*, 2010; Ahmad Yunus & Ab. Halim, 2010; Faridah & Mohini, 2012; Kamarul Azmi & Nazirah, 2012; Rozita Radhiah & Abdul Rasid, 2012; Mohamad Ziyad & Izuddin, 2012; Jennifer L. Jones & Robert St. Hilaire, 2012).

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separuh struktur sebagai sumber data utama. Sokongan data datang daripada kaedah pemerhatian pada sampel kajian serta penelitian dokumen menerusi analisis dokumen yang berkaitan. Bagi memperkukuhkan data-data tersebut, pengkaji menggunakan nota lapangan dan diari sebagai pengukuhan. Kaedah nota lapangan ini juga digunapakai oleh Kamarul Azmi (2010), Inglis dan Cook (2011), Lee (2012), dan Mohd. Azhar (2012) dalam kajian mereka. Melalui pendekatan kualitatif dan kaedah yang digunakan, pengkaji akan melihat secara menyeluruh kesemua ciri dan elemen pengurusan kelas yang diamalkan oleh PCPI.

Kajian ini memilih enam orang peserta untuk ditemubual bagi menentukan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Pemilihan enam orang peserta ini berdasarkan ketepuan data yang telah diperoleh (Kamarul Azmi, 2012; Dhamirah Nursakinah, Siti Fatimah & Halimatus Saadiah, 2020). Peserta yang dipilih dipastikan memenuhi syarat-syarat berikut. Ciri-ciri pensyarah yang dipilih adalah, (1) berpengalaman mengajar lebih tujuh tahun, (2) mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, (3) menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik, (4) menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH 44, (5) pemilihan dibuat oleh Ketua Unit Pendidikan Islam & Moral, (6) memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Hasil proses temubual ini akan ditranskripkan menjadi data naratif dan diurus tadbir data tersebut untuk memperoleh tema dapatan kajian dengan menggunakan perisian program N'Vivo 7.0.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Pada bahagian ini akan membincangkan elemen pengurusan kelas Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di politeknik. Pengurusan kelas yang dilaksanakan oleh sebahagian besar PCPI adalah semua elemen yang mencapai tahap pola, iaitu mengingatkan dan memanggil nama pelajar, mengaitkan pelajar dengan PdP, memahami keadaan pelajar, tegas pada tempat, memberi teguran secara berhikmah, mendekati diri dengan pelajar, meninggikan suara, pensyarah datang awal, mencari penyelesaian, menggunakan unsur jenaka, penekanan adab belajar, tidak menekankan hukuman, dan tidak mengabaikan pelajar bukan Islam.

Perkara pertama yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah mengingatkan dan memanggil nama pelajar, (RP1PCPI1, 2014: 129, P1PCPI2, 2014: 199, P2PCPI3, 2014: 317, P1PCPI4, 2014: 112, 114, P1PCPI6, 2014: 156, OPCPI1, 2014: 98). Mengingat dan memanggil nama pelajar sering menjadi keperluan PCPI dalam sesi soal jawab dan memberi teguran kepada pelajar. Hal ini berdasarkan kata-kata pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MMN) *“Selalunya ustazah akan tegur la, menggunakan suaranya macam, Azrami ... pastu ustazah cakaplah, “Kenapa ni, tidur?” (P1PCPI2, 2014: 199).*

Perkara kedua yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah mengaitkan pelajar dengan PdP (PCPI5, 2014: 164, PCPI6, 2014: 295, P1PCPI2, 2014: 279, P1PCPI4, 2014: 152, 170, RP1PCPI1, 2014: 94). Hal ini berdasarkan temubual PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MGTP) *“Kemudian dalam sesi PdP kita akan cuba sentiasa kaitkan para pelajar dengan apa yang kita nak sampaikan, dan dalam masa yang sama kita cuba pastikan para pelajar tidak memberikan tumpuan pada perkara lain semasa sesi PdP dilaksanakan” (PCPI5, 2014: 164).* PCPI juga melibatkan semua pelajar dalam PdP. Hal ini berdasarkan: (PCPI:PP/IK/PK/MGTP) *“Dalam perbincangan pula, ustaz akan libatkan semua, rasanya semua pelajar pernah kena panggil dengan ustaz” (P1PCPI4, 2014: 152).* Berkaitan aspek yang dikaitkan dalam PdP adalah kisah-kisah motivasi dan teladan sebagai pembakar kejayaan pelajar. Hal ini dinyatakan oleh pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MGTP) *“Ustazah ada cerita rakan-rakan dia yang berjaya, kisah nabi, kisah nabi mesti ada punya, kisah dari hadis, yang mana dikaitkan dengan kehidupan kami” (P1PCPI2, 2014: 278).*

Perkara ketiga yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah memahami keadaan pelajar (PCPI1, 2014: 704, PCPI2, 2014: 154, 157, PCPI5, 2014: 249, P2PCPI6, 2014: 160). Memahami keadaan pelajar bermaksud PCPI menyelami situasi pelajar dan bertindak mengikut situasi berkenaan. Hal ini menjadikan pengurusan kelas berjalan lancar dan PdP dapat dilaksanakan dengan menarik. PCPI menyatakan:

(PCPI:PP/IK/PK/MKP) *“Erm ni pelajar tak bagi perhatian kan, bising...biasanya pelajar bila bersikap demikian mesti dia ada sebab, mungkin sebab dia mempunyai kelas yang terlalu banyak pada hari itu, atau pun mungkin disebabkan oleh faktor pensyarah itu sendiri, mungkin pernah ada berkrisis sebelum itu, jadi diorang tak nak bagi perhatian, saya kalau berhadapan keadaan seperti itu, memang saya akan stop terlebih dahulu pembelajaran, sebab tak guna kita bercakap diorang bersempang, pastu bertanyalah kenapa buat itu ini semua ... ambik masa sikit sebab mungkin ada benda yang diorang terbuku, mintak diorang luahkan tak kena kat mana, tak puas hati kat mana, atau pun ada masalah apake, kalau diorang terlalu penatke, kita bagi diorang take five ke ... ye lah kita bagi sedikit ruang pada mereka ... ”*

PCPI1, 2014: 704

Selain itu, PCPI juga memberikan tips yang boleh digunakan pelajar ketika menghadapi masalah PdP. Perkara ini berdasarkan temubual PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MKP) *“saya bagi tips jugaklah, tips pengalaman-pengalaman kita dulu macam mana nak hilangkan mengantuk, cumanya tak boleh panjang-panjang takut kita berleter pulak nanti dan dia akan boring, jadi bagi la sikit”* (PCPI2, 2014: 154). Leteran juga dielakkan PCPI kerana mengambil kira pelajar yang dihadapi sudah besar. Hal ini berdasarkan kata-kata PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MKP) *“Saya tak suka sebab bagi saya pelajar kitani dah besar”* (PCPI2, 2014: 157). Perkara ini menjadikan pelajar lebih selesa ketika PdP dilaksanakan. Hal ini diakui pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MKP) *“Lagi satu dalam kelas ustazah bukan jenis yang put on pressure. Kita takdelah belajar dalam tertekan”* (P2PCPI6, 2014: 160).

Perkara keempat yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah tegas pada tempat (PCPI1, 2014: 306, PCPI3, 2014: 190, 300, 303, 311, PCPI4, 2014: 79, P2PCPI2, 2014: 523, P1PCPI5, 2014: 134, P2PCPI6, 2014: 380, OPCPI5, 2014: 171, OPCPI6, 2014: 85). Ketegasan dilakukan PCPI apabila berlaku situasi yang memerlukan. Hal ini berdasarkan temubual PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/TPT) *“Erm ... perlu jugak ketegasan terhadap pelajar...tengok keadaan budak tu, kalau kita nampak...dengan cara berlembut dia boleh terima, kita gunakan cara berlembut ... dan nampak lembutni ... tapi, dengan berlembut ... tak makankan ... kena bertegasla ...”* (PCPI1, 2014: 306). Pernyataan PCPI ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/TPT) *“Ustazah tegas, kalau tak datang, tak datang, kosong. Kalau tak buat kuiz kalau dengan alasan yang munasabah, ustazah bagi ... kalau takde alasan maknanya pelajar tu pontenglah, ustazah takkan bagi peluang. Kalau yang sakit tak pela bagi surat mc macam tu”* (P2PCPI6, 2014: 380).

Perkara kelima yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah memberi teguran secara berhikmah (PCPI1, 2014: 704, PCPI2, 2014: 149, PCPI3, 2014: 300, PCPI5, 2014: 237, PCPI6, 2014: 252, P2PCPI4, 2014: 27, OPCPI3, 2014: 95, OPCPI5, 2014: 148, 203, 214, 219). Teguran ini dapat dilihat berdasarkan temubual PCPI, iaitu:

(PCPI:PP/IK/PK/TGSB) *“And then kalau saya nampak kalau ada budak yang ngantuk tu, saya pergi dekat kat dia, jadi secara tak langsung dia bangun, atau sesiapa yang ngantuk tu, saya offer boleh keluar amik wuduk, atau basuh muka sekurang-kurangnya atau saya tekankan pada diorangni, kalau kat kelas Pendidikan Islamni kita mengantuk tak boleh sebenarnya, takut kita tersalah dapat ilmu”*

PCPI2, 2014: 149

Teguran secara berhikmah ini disenangi oleh para pelajar. Hal ini dinyatakan oleh pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/TGSB) *“Tapi tak nampak dia marah. Pastu dia ceritala depan lecturer, tidur ni macam tak baik la. Cerita la apa yang buruk kalau buat benda ni kan. Dia kalau kita buat salah, dia tak direct terus attack la”* (P2PCPI2, 2014: 202). Perkara keenam yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah mendekati diri dengan pelajar (PCPI2, 2014: 158, PCPI3, 2014: 300, PCPI4, 2014: 111, PCPI5, 2014: 338, PCPI6, 2014: 326, RP1PCPI1, 2014: 94, OPCPI2, 2014: 36, OPCPI3, 2014: 29). Mendekatkan diri pelajar boleh dilakukan dengan memberikan nasihat, tunjuk ajar, galakan dan motivasi, adanya sentuhan pemsyarah pada pelajar, hubungan seperti kawan, bergurau senda, dan bertegur sapa. Hal ini berdasarkan kata-kata PCPI, iaitu:

(PCPI:PP/IK/PK/MDKT) *“Dengan pelajar kalau dalam kelas kita bersifat formal, bukan nak kata formal, formal jugak. Kita pun ada jugak gurau senda, bila di luar kalau pelajar tak datang saya tanyalah, bertanya khabar, kalau kita jumpa pelajar kat luar kat kantinke, kita bersembanglah, boleh bertegur sapa, kadang-kadang jumpa kat kantin nampak dia beli makanan, tak pelah biar saya bayar untuk awak. Maksudnya kita cuba hilangkan gap*

itulah antara pensyarah dengan pelajar. Bertanya khabar dengan dia, boleh bersembang macam biasalah”

PCPI6, 2014: 326

Perkara ketujuh yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah meninggikan suara (PCPI3, 2014: 106, PCPI4, 2014: 112, RP1PCPI1, 2014: 130, P2PCPI2, 2014: 42, P1PCPI4, 2014: 150, P1PCPI5, 2014: 84, P2PCPI5, 2014: 317). Aspek meninggikan suara merupakan perbuatan yang sering dilakukan PCPI bagi memberi arahan, menegur kesalahan, dan menarik perhatian. Aspek arahan dapat dilihat berdasarkan pengakuan pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MS) *“Biasa sebelum pembentangan ustaz dah bagi arahan siap-siap, lagi satu kalau ustaz angkat sikit suara, suara ustaz memang kuat, semua takut, ustaz tunjukke ... hehe”* (P1PCPI4, 2014: 150).

Perkara kelapan yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah pensyarah datang awal (PCPI1, 2014: 186, 276, PCPI4, 2014: 79, PCPI5, 2014: 475, 477, PCPI6, 2014: 311, P2PCPI2, 2014: 226, 229, P1PCPI3, 2014: 108, OPCPI1, 2014: 18). Hal ini dinyatakan PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/PDA) *“Alhamdulillah setakatni ... inilah, tidak ada aduan, atau pun memang biasanya ana akan sampai dulu sebelum student sampai ke kelas tu”* (PCPI1, 2014: 186). Apabila PCPI datang awal, persediaan dan pengurusan kelas dapat dilakukan dengan baik dan tersusun. Hal ini berdasarkan pengakuan pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/PDA) *“Erm nampak bersedia setiap kali masuk kelas sebab ustaz setiap kali masuk kelas ustaz seorang yang punctual orangnya”* (P2PCPI1, 2014: 39).

Perkara kesembilan yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah mencari penyelesaian (PCPI2, 2014: 151, 152, PCPI3, 2014: 106, PCPI5, 2014: 246). Mencari penyelesaian bermaksud PCPI akan berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kelas serta tidak akan membiarkan masalah itu begitu sahaja. Hal ini berdasarkan pernyataan PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MPY) *“Maknanya separuh kita kalau kita geram lantaklah ko dapat ke idak kan, tapi saya bukan macam tu, saya geram kalau dia tak bagi perhatian, saya macam paksa jugak dia bagi perhatian dan mungkin nampak keras jugak kat situ”* (PCPI3, 2014: 106). Sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan, PCPI akan merujuk kepada individu lain. Hal ini berdasarkan kata-kata pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MPY) *“kalau benda ni berterusan ustaz akan terus berurusan dengan kami punya penasihat akademik, bincang masalah kami kenapa lewat, ada setengah kami yang lewat”* (P2PCPI1, 2014: 169).

Perkara kesepuluh yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah menggunakan unsur jenaka (PCPI2, 2014: 159, PCPI5, 2014: 250, PCPI6, 2014: 326). Unsur jenaka dibuat bagi menarik perhatian dan fokus pelajar kepada PdP yang akan dilaksanakan. Hal ini merujuk pernyataan pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MUJ) *“(Pelajar sambil ketawa) hehe... tiba-tiba je dia buat suara lantang dia, suara komando, pastu dia cakap muka surat 153 buang satu”* (P1PCPI5, 2014: 51). Selain itu, PCPI juga memberikan teguran dalam bentuk jenaka kepada pelajar. Hal ini dinyatakan PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/MUJ) *“kalau saya nak menegur pun, tegur macam lawak-lawak sikitlah, takdelah macam marah sangat, nak bagi diorang faham dan tak perlunya rasa mengantuk, dan kadang saya kata, “tak comel muka tu mengantuk”* (PCPI2, 2014: 159).

Perkara kesebelas yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah penekanan adab belajar (PCPI5, 2014: 590, PCPI6, 2014: 671, 677, P1PCPI2, 2014: 187, 206, P2PCPI4, 2014: 27, 60, RP2PCPI1, 2014: 94, OPCPI1, 2014: 108). Penghayatan terhadap adab belajar menjadikan pelajar sedar akan tanggungjawab yang digalas dan bermotivasi untuk berjaya. Hal ini berdasarkan pengakuan pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/PAB) *“Ustazah setiap kali kelas mesti ada sentuh pasal adab, nasihatla”* (P2PCPI2, 2014: 189). Hal ini kerana, PCPI amat mengharapkan pelajar mereka dapat menghayati apa yang diajar dengan sebaiknya. PCPI menyatakan: (PCPI:PP/IK/PK/PAB) *“saya masih memberikan pengharapan*

*pelajar ini jangan jemu untuk terus mendapatkan kefahaman yang lebih terhadap apa juga ibadat yang diperintahkan supaya dapat melakukannya dengan lebih yakin, lebih tepat berdasarkan ilmu yang berkaitan dan juga memberikan impak kepada kehidupan mereka (PCPI5, 2014: 590).*

Perkara kedua belas yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah tidak menekankan hukuman (PCPI2, 2014: 157, PCPI6, 2014: 252, P1PCPI1, 2014: 164, P2PCPI2, 2014: 202, 208, P2PCPI4, 2014: 158). PCPI bijak mengawal kelas dan tindakan ke atas pelajar dengan mengambil kira faktor psikologi pelajar. Hal ini berdasarkan temubual rakan PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/TMH) *“di mana pelajarinya suka dengan cara beliau mengajar yang tidak meletakkan tekanan dan pandai berjenaka serta sering berkongsi cerita dan pengalaman beliau”* (RP1PCPI1, 2014: 76). Perkara ini selari dengan apa yang dinyatakan PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/TMH) *“Saya tak suka sebab bagi saya pelajar kitani dah besar, jadi saya tak berapa suka untuk menghukum”* (PCPI2, 2014: 157).

Perkara ketiga belas yang dilakukan sebahagian besar PCPI ialah tidak mengabaikan pelajar bukan Islam (PCPI1, 2014: 513, PCPI2, 2014: 610, P1PCPI4, 2014: 154, P2PCPI6, 2014: 274). PCPI sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya kepada semua pelajar samada pelajar muslim dan bukan muslim. Hal ini termasuklah dalam sesi PdP ketika menyampaikan kuliah, dan juga ketika pelajar membentangkan tugas. Perkara ini dibuktikan melalui pengakuan pelajar PCPI: (PCPI:PP/IK/PK/TMGBI) *“Bagi none Muslim ni benda barukan, mungkin diorang tak faham, bila diorang ustazah nampak dah pasifke, macam diamje jadi ustazah akan tanya diorang balik”* (P2PCPI6, 2014: 274). Begitu juga situasi pelajar membentangkan tugas PCPI menyebut:

(PCPI:PP/IK/PK/TMGBI) *“Kalau ada student nak bentang dalam bahasa inggeris, ana akan benarkan ... menunjukkan kita tak de masalah, bahasa inggeris pun boleh, terutamanya non-Muslim depa tak berapa fasih bahasa melayu ... dalam kursus tamadun tu, TITAS, dia nak bentang dalam bahasa inggeris ... OK ...”*

PCPI1, 2014: 513

**Jadual 1.0 Pengurusan Kelas PCPI1-PCPI6 yang Mewakili Sebahagian Besar PCPI**

Bil.	Pengurusan kelas	PCPI1	PCPI2	PCPI3	PCPI4	PCPI5	PCPI6
1.	Mengingati dan memanggil nama pelajar	x	x	x	x	-	x
2.	Mengaitkan pelajar dengan PdP	x	x	x	x	x	x
3.	Memahami keadaan pelajar	x	x	-	-	x	x
4.	Tegas pada tempat	x	x	x	x	x	x
5.	Memberi teguran secara berhikmah	x	x	x	x	x	x
6.	Mendekatkan diri dengan pelajar	x	x	x	x	x	x
7.	Meninggikan suara	x	x	x	x	x	-
8.	Pensyarah datang awal	x	x	x	x	x	x
9.	Mencari penyelesaian	x	x	x	x	x	-
10.	Menggunakan unsur jenaka	x	x	-	x	x	x
11.	Penekanan adab belajar	x	x	-	x	x	x
12.	Tidak menekankan hukuman	x	x	-	x	-	x
13.	Tidak mengabaikan pelajar bukan Islam	x	x	-	x	-	x

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pengurusan kelas yang baik memastikan PdP dapat dilaksanakan dengan lancar. Perkara yang pertama yang perlu diberi perhatian ialah pensyarah memanggil pelajar dengan menggunakan nama mereka. Memanggil nama pelajar dapat mewujudkan

hubungan langsung antara pelajar dengan pensyarah. Apabila nama seseorang pelajar dipanggil, komen guru dapat disampaikan secara langsung, sama ada pelajar sedang memandang guru tersebut atau tidak (Tauber, 2007).

PCPI juga sentiasa mengaitkan pelajar dengan PdP, memahami keadaan pelajar, dan mendekati diri dengan pelajar. Davis et. al (2012) membezakan tiga keadaan pelajar di dalam kelas, iaitu: i) Pelajar yang kurang berminat dengan pelajaran yang sedang diajar merasakan pelajaran itu sukar dan mengharapkan guru dapat memberi tunjuk ajar agar perkara tersebut dapat diselesaikan dengan lebih mudah ii) Pelajar yang gemar dengan perkara yang betul membuat tugas untuk menggembirakan hati guru dan berharap guru dapat menyatakan strategi atau tips menyelesaikan masalah dengan betul iii) Pelajar yang merasa seronok dengan pelajaran yang diajar merasakan diri mereka hebat dalam pelajaran tersebut, bersedia menyelesaikan tugas dan gembira dengan maklumbalas positif seperti pujian, dan mereka mahukan lebih kebebasan dalam bersuara dan menyelesaikan tugas mengikut cara sendiri.

PCPI telah mengamalkan beberapa sikap yang baik apabila berkomunikasi dengan pelajar di dalam kelas, iaitu tegas pada tempat, memberi teguran secara berhikmah, tidak meninggikan suara, menggunakan unsur jenaka, tidak menekankan hukuman, dan tidak mengabaikan pelajar bukan Islam. Al-Syaibani (1991) menekankan bahawa proses pendidikan perlu dijadikan sebagai satu pengalaman yang menggembirakan bagi pelajar. Oleh itu, pengajaran berunsurkan lawak jenaka dapat menimbulkan suasana yang menghiburkan (Scheel, T., & Gockel, C. 2017). Selain itu, pelajar dapat merasai keyakinan diri guru yang membuat lawak jenaka di dalam kelas (Tauber, 2007).

PCPI juga memberi perhatian kepada perkembangan emosi negatif di dalam kelas, sama ada ketika membuat teguran dan penggunaan hukuman. Sekiranya guru tidak berhati-hati ketika memberi hukuman, pelajar mungkin akan memberontak dan sikap negatif akan diulangi pada masa hadapan, manakala guru pula akan mengulangi hukuman yang sama, dengan terus mengalihkan pelajar yang bermasalah dari PdP yang sedang dijalankan (Emmer et al., 2013). Hubungan PCPI-pelajar yang baik ini, bukan sahaja diamalkan kepada pelajar beragama Islam, malah kepada yang bukan Islam. Emmer et al. menyatakan rasa tidak setuju dengan guru yang mengamalkan diskriminasi ke atas pelajar yang berlainan agama kerana sikap ini hanya membuatkan pelajar menjauhi dan tidak menghadiri kelas. Oleh itu, PCPI sentiasa menekankan adab-adab belajar kepada pelajar supaya mereka sentiasa menjaga akhlak dan peribadi ketika berurusan dengan rakan sekelas dan dengan pensyarah sendiri.

Selain itu, PCPI telah menunjukkan contoh yang baik kepada pelajar dengan menghadirkan diri ke kelas lebih awal. Guru yang datang awal ke kelas akan mendorong pelajar untuk datang awal ke kelas (Dash & Dash, 2008). Sikap menjaga waktu ini disebut di dalam al-Quran, di mana Allah S.W.T. telah menyebut tentang manusia yang tidak menghargai masa sebagai orang yang rugi. Firman Allah S.W.T.;

Maksudnya: *“Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam keadaan merugi (celaka), kecuali orang-orang yang beriman, beramal shalih, saling menasihati dalam kebenaran, dan saling menasihati dalam kesabaran.”*


(Surah al-‘Ashr: 1-3)

Akhirnya, sebagai strategi pengurusan kelas, PCPI sentiasa cuba mencari jalan penyelesaian terhadap kemusykilan yang timbul di dalam kelas. Oleh sebab itu, persediaan kelas amat penting bagi seorang guru. Dengan ini, guru akan bersedia dengan perkara-perkara berbangkit yang bakal timbul di dalam kelas.



## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Pengurusan Kelas Cemerlang PCPI (MPKCPCPI). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Pengurusan Kelas Cemerlang PCPI (MPKCPCPI)

Berdasarkan Rajah 1, kesemua elemen pengurusan kelas yang disenaraikan boleh diamalkan di dalam pelaksanaan PdP di kelas bagi pensyarah Pendidikan Islam di politeknik. Penghayatan dan pengamalan yang sebaiknya dalam kalangan PCPI akan membantu pelaksanaan PdP dijalankan dengan berkesan. Seterusnya menjadikan para pelajar memahami dan beroleh manfaat yang secukupnya dalam pembelajaran mereka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian kes elemen pengurusan kelas cemerlang Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik. Hasil pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Pengurusan Kelas Cemerlang PCPI (MPKCPCPI) yang terdapat dalam implikasi kajian ini. Justeru, pensyarah Pendidikan Islam perlu mengambil perhatian agar elemen pengurusan kelas dapat dijadikan panduan supaya proses PdP yang dilakukan mampu menepati objektif yang diharapkan seterusnya menonjolkan martabat guru agama di tempat yang mulia dan menjadi contoh kepada warga staf yang lain.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Shukor Shaari (2000). *Tingkah Laku Pengajaran dan Kualiti Peribadi Pensyarah Universiti*. Seminar Penyelidikan UUM 2000. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 438-453.
- Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zaliza Mohd Jelas & Ahmad Ali Seman (2010). *Kepelbagaian Pelajar dan Sekolah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2) 2010 87-95.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab.Halim Tamuri (2010). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 2010 13-30.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yasin (2011). *Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011 123-134.
- Al-Syaibany, Omar Muhammad al-Toumy (1991). *Falsafah al-Tarbiah al-Islamiah Mansyurat al-‘Ammah Linasyri Wa al-Tauzi’u wa al-i’lan*. (Trj. Oleh Hasan Langgulung dengan tajuk: *Falsafah Pendidikan Islam*). Shah Alam: HIZBI.
- Chee Kim Mang (2008). *Kualiti Guru Permulaan Keluaran Sebuah Institut Perguruan: Satu Tinjauan dari Perspektif Pentadbir Sekolah*. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 23, 49-67.
- Dash, M. & Dash, N. (2008). *School Management*. New Delhi: Atlantic Publishers & Distributers (P) Ltd.
- Davis, H.A., Summers, J.J., & Miller, L.M. (2012). *An Interpersonal Approach to Classroom Management: Strategies for Improving Student Engagement*. California: Corwin Press
- Dhamirah Nursakinah Mohamad Safir, Siti Fatimah Salleh, & Halimatus Saadiah Mohamad Safir (2020). *The Needs of Breastfeeding Documentation for Breasfeeded Child in Malaysia Society*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(2), 13 - 20.
- Esah Sulaiman (2012). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Emmer, E., Sabornie, E. Evertson, C.M., Weinstein, C.S. (2013). *Handbook of Classroom Management: Research, Practice, and Contemporary Issues*. New York: Routledge.
- Faridah Sulaiman & Mohini Mohamed (2012). *Kerangka Pengetahuan Guru Cemerlang Matematik dan Bagaimana Ia digunakan bagi Memilih Contoh dalam Pengajaran Matematik*. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 69-86, 2012.
- Inglis, P. & Cook, T. (2011). *Ten top tips for effectively involving people with a learning disability in research*. *Journal of Learning Disabilities and Offending Behaviour*. 2(2). 98 - 104.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (2012). *Garis Panduan Pemantauan Pembelajaran dan Pengajaran Politeknik Edisi 2012*. Putrajaya:
- Jennifer L. Jones & Robert St. Hilaire (2012). *Creating Significant Learning Experiences: A Case Study in the College Religion Classroom*. *The Journal of Effective Teaching*. Vol. 12, No. 3, 2012, 34-43.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Nazirah Hamdan (2012). *Sifat Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) kepada Rakan Setugas dan Pihak Atasan di Sekolah: Satu Kajian Kes*. *Proceedings World Conference On Islamic Thought: 2012(WCIT 2012)*. 11-12 September 2012. Kinta Riverfront, Ipoh, Perak.
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in*

- Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Lee, Y.L. (2012). A Qualitative Study of Out-of-class Learning Opportunities among First Year ESL Freshmen in a College Town. (Tesis Elektronik). Dirujuk daripada <https://etd.ohiolink.edu/> pada 5 Oktober 2015.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2012). Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru. Tesis Doktor Falsafah. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. MALIM-SEA Journal of General Studies 11, 2010.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammed (2012). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)-Pendidikan Agama Islam (PAI): Satu Kajian Kes. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012). 3-6 Julai 2012. Hotel Royale Bintang, Negeri Sembilan. 1-22.
- OPCPI1 (2014). Laporan Observasi dan Nota Lapangan di PO1. Laporan daripada Tarikh 02.01.2014 hingga 15.01.2014.
- P1PCPI1 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI1 dan P2PCPI1. Temu bual diadakan pada jam 09.00 pagi bertarikh 06.01.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO1.
- P2PCPI1 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI2 dan P2PCPI2. Temu bual diadakan pada jam 09.30 malam bertarikh 07.01.2014 di Surau Kamsis PO1.
- P1PCPI2 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI2 dan P2PCPI2. Temu bual diadakan pada jam 09.30 malam bertarikh 07.01.2014 di Surau Kamsis PO1.
- P2PCPI2 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI2 dan P2PCPI2. Temu bual diadakan pada jam 09.30 malam bertarikh 07.01.2014 di Surau Kamsis PO1.
- P1PCPI3 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI3 dan P2PCPI3. Temu bual diadakan pada jam 03.00 petang bertarikh 11.03.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO2.
- P1PCPI4 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI4 dan P2PCPI4. Temu bual diadakan pada jam 02.30 petang bertarikh 13.03.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO2.
- P2PCPI4 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI4 dan P2PCPI4. Temu bual diadakan pada jam 02.30 petang bertarikh 13.03.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO2.
- P1PCPI5 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI5 dan P2PCPI5. Temu bual diadakan pada jam 02.30 petang bertarikh 02.09.2014 di Bilik Perbincangan 5 Perpustakaan PO3.
- P2PCPI5 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI5 dan P2PCPI5. Temu bual diadakan pada jam 02.30 petang bertarikh 02.09.2014 di Bilik Perbincangan 5 Perpustakaan PO3.
- P2PCPI6 (2014). Teks Temu Bual Bersama P1PCPI6 dan P2PCPI6. Temu bual diadakan pada jam 11.30 pagi bertarikh 05.09.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO3.
- PCPI1 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM. 1-18.
- PCPI2 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM. 1-18.
- PCPI3 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM. 1-18.

Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, Khairunnisa A Shukor, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhd Imran Abd Razak, Nurul Khairiah Khalid, Mohd Farhan Abd Rahman, Mukhamad Khafiz Abd Basir.

Jurnal Intelek Vol. 15, Issue 2 (Aug) 2020

- PCPI4 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Azlan Shah Tanjung Malim: FTI, UTM. 1-18.
- PCPI5 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM. 1-18.
- PCPI6 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM. 1-19.
- RP1PCPI1 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM. 1-15.
- RP1PCPI1 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM. 1-15.
- RP2PCPI1 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM. 1-15.
- RP1PCPI2 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM. 1-15.
- RP2PCPI2 (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Pondok Rehat, Kampus B Politeknik Ungku Omar Ipoh: FTI, UTM. 1-15.
- RP1PCPI3. (2014). Teks Temu bual Bersama RP1PCPI3. Temu bual diadakan pada jam 03.00 petang bertarikh 12.03.2014 di Bilik Ketua Kursus Unit Bahasa.
- RP1PCPI4. (2014). Teks Temu bual Bersama RP2PCPI4. Temu bual diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh 13.03.2014 di Kafetaria PO2.
- RP2PCPI4. (2014). Teks Temu bual Bersama RP2PCPI4. Temu bual diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh 13.03.2014 di Kafetaria PO2.
- RP2PCPI6. (2014). Ciri-ciri Kecemerlangan Pensyarah Pendidikan Islam Politeknik. Dalam Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kajian Lapangan Ph.D. Bilik Pensyarah, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Shah Alam: FTI, UTM. 1-15.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian.(2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 51-68, 2012.
- Scheel, T., & Gockel, C. (2017). *Humor at work in teams, leadership, negotiations, learning and health*. Switzerland: Springer Nature.
- Tauber, R.T. (2007). *Classroom Management: Sound Theory and Effective Practice*. Wesport: Praeger Publishers.